

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 20 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 19

Dua saksi tampil bantu siasatan

KUALA LUMPUR - Dua daripada sembilan saksi yang sedang dikesan polis tampil bagi membantu siasatan kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-undang (D5), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Senior Asisten Komisyoner Mior Faridalathrash Wahid berkata, setakat ini pihaknya



**KES KEMATIAN
MUHAMMAD ADIB**

telah merakam keterangan 34 individu.

"Kita juga telah merakam keterangan pegawai, anggota polis yang berada di tempat kejadian, ahli kimia, pakar perubatan dan orang ramai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada 27 September lalu, Koroner Rofiah Mohamad memutuskan punca kematian Muhammad Adib adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih

individu yang tidak dikenali.

Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu selepas 21 hari bertarung nyawa susulan kejadian rusuhan di hadapan kuil Sri Maha Mariammam, USJ 25, Subang Jaya.

Sepanjang prosiding inkues bermula Februari lalu, seramai 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dan bapa Allahyarham, Mohd Kassim Abdul Hamid dipanggil memberi keterangan dengan 137 bahan bukti dikemukakan.